

**APLIKASI GAYA NYANYIAN ZAMAN ROMANTIK  
TERHADAP NYANYIAN GHAZAL**

**LILIS SYAFUZA BINTI MOHD YATIM**

**Latihan ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat  
memperolehi Ijazah Sarjana Muda (kep) Seni Muzik (Persembahan)**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**MEI 2006**

## **PENGAKUAN**

Saya mengakui ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali pendapat-pendapat dan karya-karya yang setiap satunya telah saya maklumkan sumbernya.

**LILIS SYAFUZA MOHD YATIM**

**2003302674**

## PENGHARGAAN

Assalamualikum Warahmatullahiwabarakatuh,

Bersyukur saya kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya dapatlah saya menyiapkan latihan ilmiah ini. Di kesempatan ini, ingin saya merakamkan rasa terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat dalam proses menyiapkan kajian ini.

Buat Pn. Khaifiza selaku penasihat yang telah memberikan tunjuk ajar dan bimbingan secara berterusan kepada saya di dalam usaha menyiapkan kajian ini. Ribuan terima kasih kepada Cik Rita yang banyak memberi bimbingan, panduan dan tunjuk ajar kepada saya selama saya menjalani pengajian di UiTM Shah Alam. Bimbingan, nasihat serta tunjuk ajar akan saya jadikan panduan hidup sepanjang hayat.

Jutaan penghargaan buat ibu dan ayah yang saya sayangi, yang telah banyak berkorban, memberi dorongan, sokongan serta galakan kepada saya selama ini. Hanya Tuhan sahaja yang dapat membalas jasa kedua orang tua saya. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada seluruh ahli keluarga saya yang banyak membantu terutama kakak yang saya sayangi dan Amy yang saya kasihi. Segala pengorbanan anda semua akan saya kenang. Terima Kasih yang tidak terhingga kepada Pn. Airina Aris (kak ina) yang terlalu banyak membantu dalam penyediaan penulisan ilmiah ini. Terima kasih kerana memahami situasi serta susah senang saya menyiapkan penulisan tesis ini. Jasa dan tunjuk ajar yang di beri akan saya kenang hingga keakhir hayat saya.

Buat semua pensyarah-pensyarah Jabatan Muzik, iaitu En. Zailan Razak, Prof. Madya Fakhariah, dan beberapa pensyarah lain, terima kasih di atas semua didikan dan bimbingan yang tidak ternilai harganya dan tidak mungkin terpadam dari ingatan. Buat rakan-rakan seperjuangan, Kart, Shue, Fiza, Rina, Chot, Asmadi, Razin dan yang lainnya, terima kasih di atas kerjasama dan kata-kata perangsang yang selalau diberikan. Semunya tetap dikenang hingga ke akhir hayat.

Akhir sekali kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga. Ribuan kemaafan juga di atas sebarang kesalahan serta kesilapan sepanjang penyediaan latihan ilmiah ini dijalankan.

**Lilis Syafuza Binti Mohd Yatim,**  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik,  
Universiti Teknologi Mara,  
Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

## KANDUNGAN

	Halaman
<b>PENGESAHAN</b>	<i>ii</i>
<b>TAJUK</b>	<i>iii</i>
<b>PENGAKUAN</b>	<i>iv</i>
<b>PENGHARGAAN</b>	<i>v</i>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<i>vi</i>
<b>SENARAI GAMBARAJAH</b>	<i>ix</i>
<b>GLOSARI</b>	<i>x</i>
<b>ABSTRAK</b>	<i>xi</i>
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>
1.1	Pengenalan 1
1.1.1	Sejarah dan Latarbelakang Muzik Ghazal 3
1.2	Tujuan 5
1.3	Kaedah Kajian 5
1.3.1	Pengumpulan Bahan 6
1.3.2	Temubual/Wawancara 7
1.4	Skop Kajian 7
1.5	Organisasi 7

## ABSTRAK

Penulisan ilmiah ini dibuat untuk mengkaji tentang aplikasi gaya nyanyian zaman Romantik terhadap nyanyian Ghazal. Menurut perkiraan penulis, belum pernah ada lagi penyanyi Ghazal yang menggunakan gaya atau cara nyanyian zaman Romantik terhadap lagu-lagu Ghazal. Oleh kerana itu, penulis telah membuat kajian dengan membuat rakaman nyanyian lagu Seri Johor dengan menggunakan gaya nyanyian zaman Romantik. Rakaman ini dinyanyikan oleh seorang pelajar yang berpengalaman di dalam nyanyian klasikal. Semua lenggok, renek dan alunan lagu ghazal ini tidak diubah sama sekali kecuali teknik serta cara/gaya nyanyian sahaja yang digunakan. Oleh yang demikian kajian ini dilakukan adalah untuk menentukan bahawa adakah gaya nyanyian zaman Romantik ini sesuai atau tidak jika diaplikasikan terhadap nyanyian Ghazal. Penulis ingin membandingkan di antara penyanyi asal lagu Seri Johor dengan pelajar yang menggunakan gaya nyanyian zaman Romantik. Selain daripada itu, penulis juga ingin mengetahui apakah kelebihan dan kekurangannya dan penerimaan penyanyi-penyanyi yang berpengalaman jika gaya nyanyian ini diaplikasikan terhadap nyanyian Ghazal.